

20/01/1999

Pak Lah dikunjungi lebih 20,000 tetamu

Shamshul Azree Samshir; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Sambutan meriah Aidilfitri kali ini membuktikan rakyat berbilang kaum boleh hidup dengan aman serta penuh semangat muhibah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Aidilfitri boleh disifatkan sebagai suasana gembira yang mana rakyat tidak teragak-agak berkunjung ke rumah terbuka pemimpin kerajaan dan masyarakat.

"Saya berkunjung ke kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas solat sunat Aidilfitri pagi tadi dan mendapati suasana di sana cukup baik. Saya fikir tempat lain juga begitu.

"Kita memang mengharapkan rakyat Malaysia hidup tanpa rasa takut, bimbang malah semua yang berbilang keturunan dapat hidup secara aman dan ada sikap toleransi serta hormat-menghormati," katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbukanya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Lebih 20,000 rakyat pelbagai kaum termasuk anggota Kabinet dan parti politik mengunjungi majlis rumah terbuka itu. Turut melayan tetamu, isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood.

Abdullah berkata, sifat toleransi dan kehidupan yang aman mendorong Malaysia menjadi sebuah negara berjaya.

Beliau berkata, seperkara yang menarik dalam sambutan Aidilfitri kali ini ialah pertemuan rakyat berbilang bangsa termasuk pemimpin pelbagai agama pada majlis rumah terbuka.

"Itu adalah suasana yang sangat baik dan perlu dikekalkan selama-lamanya," katanya.

Mengulas mengenai pengalaman pertama beliau menganjurkan majlis rumah terbuka selepas dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata:

"Saya terharu kerana begitu ramai yang datang ke rumah terbuka ini. Saya diberitahu tetamu boleh sampai 20,000 orang malah makanan pun sudah hampir habis.

"Tetapi saya sudah beritahu jika perlu ditambah, tambahlah makanan itu walau macam manapun," katanya sambil berseloroh.

Mengenai pelantikan beliau yang disifatkan Dr Mahathir sebagai menimbulkan suasana tenteram serta melenyapkan kebimbangan dan spekulasi, beliau berkata:

"Syukurlah kalau disebabkan pelantikan saya membuatkan suasana tenteram dan orang pun bersyukur.

"Bagi saya, saya tahu di sebalik sokongan dan kenyataan yang dibuat, saya faham ada harapan supaya menjalankan tugas dengan baik, adil dan saksama serta mengambil kira pandangan rakyat," katanya.

(END)